

## APA ITU HARI RAYA?

*Apa itu hari raya? Pada lughah atau pada bahasa, raya ertinya besar atau utama. Hari raya puasa dalam Islam ialah Eid Fitr. Eid itu maksudnya "mengembalikan". Fitr itu "fitrah". Jadi "Eidil Fitri" itu ialah mengembalikan fitrah manusia kepada keadaan asal semulajadinya yang suci dan murni. Dalam erti kata yang lain, eidil fitri bermaksud hari menyambut kejayaan mengembalikan fitrah kepada keadaan asalnya yang suci danbersih.*

*Selama sebelas bulan dalam setahun, manusia bergelumbang dengan nafsu dan dunia. Selama itu jugalah fitrah manusia dicemari, dikotori dan dirosakkan. Fitrah manusia kian bertambah lemah dan tidak bermaya. Dengan rahmat dan kasih sayang Allah, dikurniakan-Nya satu bulan dalam setahun iaitu bulan Ramadhan untuk kita berpuasa supaya fitrah manusia yang telah lemah itu dapat dibersihkan, disuci dan dikuatkan semula. Supaya kerakusan nafsu itu dapat ditekan dan diimbangi. Kalau tidak, nafsu akan bertambah-tambah rakus sampailah manusia itu mati. Dia akan mati dalam keadaan nafsunya yang bermaharajalela. Bagi orang Islam, kalau dia hidup selama 50 tahun selepas akil baligh, nafsunya akan ditekan dan fitrahnya dikuatkan sebanyak 50 kali dan selama 50 bulan. Ini banyak membantu mengawal nafsunya. Itulah rahmat Allah. Ia tidak berlaku pada orang kafir.*

*Kalau fitrah sudah rosak dan kotor, manusia akan lupa Allah. Bila Allah sudah dilupakan, jiwa manusia akan mati. Jiwa manusia tidak boleh hidup tanpa Allah dan tanpa rasa bertuhan. Manusia yang telah mati jiwanya tidak boleh lagi berperanan sebagai insan. Keinsanannya akan rosak. Nafsunya akan bermaharajalela. Dia akan terangsang hanya dengan dunia dan akan benci akhirat. Dia akan suka dengan apa yang Allah benci dan akan benci dengan apa yang Allah suka. Dia akan mengangkat nafsunya menjadi Tuhan. Akhirnya hidupnya di dunia menjadi punah ranah dan di akhirat nanti akan bakal dicampakkankedalamneraka.*

*Fokus eidil fitri ialah pada amalan puasanya di bulan Ramadhan yang mengekang dan menekan nafsu dan bukan kepada hari rayanya yang disambut pada 1 Syawal. Yang dibesarkan ialah latihan rohaniah secara berpuasa yang dilakukan dan bukan hari berbukanya, iaitu hari rayanya.*

*Bulan Ramadhan adalah bulan berkat dan penuh rahmat. Bulan pintu syurga dibuka dan pintu neraka ditutup. Bulan syaitan dibelenggu. Bulan di mana pahala amalan dan ibadah dilipat gandakan dan doa diterima. Ia adalah bulan maghfirah dan keampunan. Malahan Allah memberi pahala terhadap ibadah puasa tanpa hisab. Kalau dalam ibadah lain, pahala yang Allah beri itu ada sukatan dan skalanya, tetapi bagi ibadah puasa ini, pahalanya ikut suka Allah*

*Justeru itu, 1 Syawal sebenarnya ialah hari murung dan hari kesedihan. Hari berakhirnya bulan berkat dan bulan rahmat. Hari berakhirnya bulan keampunan. Hari terbuka semula pintu neraka dan bebasnya para syaitan. Bermula pada 1 Syawal, dunia akan mula mengkeronyok dan merobek-robek fitrah kita; mengotori, mencemari dan merosakkannya hinggalah tiba bulan Ramadhan yang berikutnya. Belum tentu kita dapat temuinya kalau ajal tidak mengizinkan. Hari raya fitrah patut diisi dan dipenuhi dengan berzikir, bertafakur, bersyukur, memuji, memuja dan membesarkan Allah. Ia patut disambut dengan segala kebaikan yang berpunca dan yang didorong oleh hati atau fitrah yang sudah suci dan bersih.*

*Pada hari raya fitrah, kita patut membantu dan memberi makan fakir miskin, merapatkan silaturrahim, berziarah dan memberi hadiah. Bermaaf-maafan, bertolong bantu, berkasihsayang dan sebagainya. Hari raya fitrah bukan hari untuk memuaskan nafsu.*

### Kata Hikmat:

1000 mancis tidak menerangi kau di dalam kegelapan buat selama lamanya tetapi cahaya keimanan dapat membawa kau ke jalan kesenangan



# BATASAN PERGAULAN ANTARA LELAKI & WANITA

Diterbitkan oleh: Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

## MAKSUD PERGAULAN

Maksud pergaulan di sini ialah bergaul atau bercampur antara lelaki dan wanita ajnabi (yang sah kahwin) di satu tempat dalam bentuk pandang memandang, perbualan atau sebarang bentuk interaksi yang lain.

## HUKUM ASAL PERGAULAN

Hukum asal pergaulan antara lelaki dan wanita ajnabi (yang sah kahwin) adalah haram tetapi ianya tidak bersandarkan nas yang jelas (sorih) secara langsung. Hukum asal haram ini diasaskan kepada hukum lain yang dikhususkan kepada kaum wanita kerana di dalamnya terdapat unsur-unsur pergaulan di antara lelaki dan wanita ajnabi (sah kahwin). Antara hukum yang dimaksudkan ialah:

### 1. Larangan Berkhalwat dan Musafir tanpa mahram yang didasarkan kepada hadis-hadis berikut:

Hadis riwayat Imam Bukhari yang bermaksud: *“Perempuan tidak harus musafir kecuali ada bersamanya mahram dan lelaki tidak harus masuk (dalam rumah) perempuan kecuali ada bersamanya mahram”*

Hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud: *“Lelaki tidak harus berkhalwat dengan perempuan kecuali bersamanya mahram dan tidak harus bermusafir kecuali bersamanya mahram”*.

Kedua-dua hadis ini melibatkan pengharaman khalwat dan larangan bergaul yang boleh difahami daripada larangan ke atas wanita mengerjakan haji tanpa mahram kerana perbuatan tersebut mendedahkannya kepada pergaulan dengan lelaki.

### 2. Hukum wanita solat Jemaah di Masjid

Solat jemaah di masjid digalakkan kepada lelaki tidak kepada wanita. Malah, lebih afdhal bagi wanita untuk solat di rumah berbanding dengan di masjid. Keharusan solat di masjid bagi wanita terikat dengan syarat-syarat. Antara syaratnya ialah keizinan suami atau wali, tidak berhias dan tidak memakai bau-bauan dan tidak bercampur gaul antara lelaki dan wanita. Saf bagi wanita pula ialah mesti di belakang saf lelaki.

### Batasan pergaulan antara lelaki dan wanita yang diharuskan tetapi masih terikat dengan peraturan syariat ialah:

1. Kerana darurat
2. Kerana Keperluan / kemaslahatan
3. Kerana mengikut adat dan kebiasaan dalam majlis-majlis

Antara peraturan syariah yang mesti diikuti bagi mengharuskan pergaulan dalam keadaan-keadaan tertentu yang dinyatakan di atas ialah:

### 1. Menundukkan Pandangan

Firman Allah SWT di dalam surah an-Nur, ayat 30 dan 31. Maksudnya:

*“Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka.”*

*“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka”.*

### 2. Menutup Aurat;

Firman Allah SWT di dalam surah an-Nur, ayat 31. Maksudnya: *“Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka”.*

Maksud “kecuali yang zahir daripadanya” ialah sesuatu yang pada adat atau kebiasaannya dapat dilihat dan sukar untuk disembunyikan termasuk baju luar, muka, dua tapak tangan dan perhiasan seperti cincin dan gelang tangan. Perhiasan di rambut dan di kepala adalah haram dan termasuk dalam kategori aurat wanita.

### 3. Tidak berdua-duaan Antara Lelaki Dan Perempuan

Dari Ibnu Abbas r.a. berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda:

*“Janganlah seorang lelaki berdua-duaan (khalwat) dengan wanita kecuali bersama mahramnya”.*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dari Jabir bin Samurah berkata; Rasulullah SAW bersabda:

*Janganlah salah seorang dari kalian berdua-duaan dengan seorang wanita, kerana syaitan akan menjadi orang ketiganya.*

(Hadis Riwayat Ahmad dan Tirmidzi)

### 4. Tidak Melunakkan Ucapan

Wanita dilarang melunakkan ucapannya ketika berbicara selain kepada suaminya.

Firman ALLAH SWT di dalam surah al-Ahzab, ayat 32, maksudnya:

*Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu semua bukanlah seperti mana perempuan-perempuan yang lain jika kamu tetap bertaqwa. Janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya, berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).)*

Imam Ibnu Kathir mantafsirkan ayat di atas dengan menyatakan bahawa ianya adalah beberapa etika yang diperintahkan oleh Allah kepada para isteri Rasulullah SAW dan juga kepada para wanita mukminah iaitu hendaklah berbicara dengan orang lain (lelaki) tanpa suara merdu iaitu janganlah seorang wanita berbicara dengan orang lain sebagaimana dia berbicara dengan suaminya.

### 5. Tidak Bersentuhan Antara Lelaki dan Wanita Ajnabi (Sah Kahwin)

Dalam pergaulan antara lelaki dan wanita ajnabi (sah kahwin), tidak dibenarkan berlaku sentuh menyentuh, pegang memegang, cuit mencuit dan seumpamanya walaupun dalam keadaan bergurau dan hubungan yang rapat termasuk bertunang.

Dari Abu Hurairah r.a. dari Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: *Sesungguhnya Allah menetapkan untuk anak adam bahagiannya dari zina, yang pasti akan mengenainya. Zina mata dengan memandang, zina lisan dengan berbicara, sedangkan jiwa berkeinginan serta berangan-angan, lalu faraj yang akan membenarkan atau mendustakan semuanya.*

(Hadis Riwayat Imam Bukhari, Muslim dan Abu Daud).



## Self Belief and How to Boost It?

To obtain success in life, it is essential to have a certain qualities. One of which is to have self belief. Most of them believe that hard work is the key for success. But, the ninety percent of success lies in having a self belief. If you believe that you can achieve a task, your brain starts to work accordingly and you will ultimately start to put all your efforts to which pave the path for success.

Having self belief is not very easy. A number of factors rule it, such as the environment you have grown up, the people you mingle with and your previous record of success. If you are grown up by people who often discourage you from doing things, you will automatically start to think that you cannot achieve anything. There is also a chance for you to feel less belief about yourself if you repeatedly face failures. In such situations, if you can get support from a right person then you will not lose self belief.

The following are some simple tips to help you improve self belief.

**Rather thinking of failures, think of your successful attempts.** If you are in a notion that you have not attained any success in your life then you are totally wrong. The art of speech you have learned, walking everything is a success. Think of it in a manner, if you could do things at that very small age when you are not aware of anything why can't you get what you want now when you have grown up.

**Instead of giving work to your brain by thinking about yourself,** involve yourself in physical work such as cleaning or gardening. This will automatically divert you. When you start feeling fresh take up the task where you left it. You will definitely attain success.

**If you are repeatedly facing failures,** do something that you are sure to succeed like you are well aware of. One simple success can give you a lot of energy to face a new task. It helps to boost self belief and increases your success rate.

**Never get disappointed at the first attempt and start depressing yourself thinking that you are not fit for it.** Give it a try with more power and preparation. You will definitely attain success in your next attempt. Sometimes, it is possible that your approach was wrong that lead to your failure. So, think in a different angle to obtain the correct answer.


**Let your brain relax.** Let all your thoughts rest. If you are unable to divert yourself, then watch a good movie, read a novel, ready funny jokes, go for a ride in a pleasant atmosphere, have a nice meal and do whatever you love to do. Have a good night sleep. Relaxation will automatically give new thoughts that make you to get the task done without much pressure.

Put the above tips into practice, you will surely start to feel good about yourself.



## Mutiara Kata:

**Harta yang paling menguntungkan ialah SABAR. Teman yang paling akrab adalah AMAL. Pengawal peribadi yang paling waspada DIAM. Bahasa yang paling manis SENYUM. Dan ibadah yang paling indah tentunya KHUSYUK.**



### Hikmat Berdiam Diri

Manusia berbicara setiap masa. Bicara yang baik akan membawa keselamatan dan kebaikan kpd manusia. Jika bicara tidak mengikut adabnya, manusia akan merana di dunia dan di akhirat. Di dunia akan dibenci oleh manusia lain manakala di akhirat bicara yang menyakiti hati org lain akan menyebabkan kita terseksa kekal abadi di dalam neraka Allah SWT.

Bagi mereka yg beriman, lidah yg dikurniakan oleh Allah itu tidak digunakan utk berbicara sesuka hati dan sia-sia. Sebaliknya digunakan utk mengeluarkan mutiara-mutiara yg berhikmah. Oleh itu, DIAM adalah benteng bagi lidah manusia drp mengucapkan perkataan yang sia-sia.

### HIKMAH DIAM

1. Sebagai ibadah tanpa bersusah payah.
2. Perhiasan tanpa berhias.
3. Kehebatan tanpa kerajaan.
4. Benteng tanpa pagar.
5. Kekayan tanpa meminta maaf kpd orang.
6. Istirehat bagi kedua malaikat pencatat amal.
7. Menutupi segala aib.

Hadis2 Rasullullah mengenai! kelebihan diam yg bermaksud:

- \* "Barangsiapa yg banyak perkataannya, nescaya banyaklah silapnya. Barangsiapa yg banyak silapnya, nescaya banyaklah dosanya. Dan barangsiapa yg banyak dosanya, nescaya neraka lebih utama baginya". ( RW ABU NAIM )
- \* "Barangsiapa yg beriman kpd Alah dan Hari Akhirat, maka hendaklah ia berkata yg baik atau diam". ( RW BUKHARI & MUSLIM )
- \* "Barangsiapa diam maka ia terlepas dr bahaya". ( RW AT-TARMIZI )

### Madah Dari Hukama:

- \* BANYAK DIAM TIDAK SEMESTINYA BODOH, BANYAK CAKAP TIDAK SEMESTINYA CERDIK, KRN KECERDIKAN ITU BUAH FIKIRAN, ORG CERDIK YG PENDIAM LEBIH BAIK DR ORG BODOH YG BANYAK CAKAP.
- \* MENASIHATI ORANG YG BERSALAH, TIDAK SALAH. YANG SALAH MEMIKIRKAN KESALAHAN ORANG..
- \* KALAU ORG MENGHINA KITA, BUKAN KITA TERHINA, YG SEBENARNYA ORG ITU MENGHINA DIRINYA SENDIRI.

### PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

— Biro Penerbitan & Penerangan

### Renungan : 4 Golongan Lelaki

#### **Pertama:-Ayahnya**

Apabila seseorang yang bergelar ayah tidak memperdulikan anak-anak perempuannya di dunia. Dia tidak memberikan segala keperluan agama seperti mengajar solat, mengaji dan sebagainya. Dia membiarkan anak-anak perempuannya tidak menutup aurat..... tidak cukup kalau dengan hanya memberi kemewahan dunia sahaja maka dia akan ditarik oleh anaknya.

#### **Kedua:-Suaminya**

Apabila seorang suami tidak memperdulikan tindak tanduk isterinya. Bergaul bebas di pejabat, memperhiaskan diri bukan untuk suami tapi untuk pandangan kaum lelaki yang bukan mahram, apabila suami mendiam diri..... walaupun dia seorang alim (solat tidak tangguh, puasa tidak tinggal) maka dia akan ditarik oleh isterinya.

#### **Ketiga:-Abang-abangnya**

Apabila ayahnya sudah tiada, tanggungjawab menjaga maruah wanita jatuh pula ke abang-abangnya..... jikalau mereka hanya mementing keluarganya sahaja dan adik perempuannya dibiar melencong dari ajaran ISLAM .... tunggulah tarikan adiknya di akhirat.

#### **Keempat:- Anak Lelakinya**

Apabila seorang anak tidak menasihati seorang ibu perihal kelakuan yang haram dari islam, maka anak itu akan disoal dan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak..... nantikan tarikan ibunya. Maka kita lihat betapa hebatnya tarikan wanita bukan sahaja di dunia malah di akhirat pun tarikannya begitu hebat... maka kaum lelaki yang bergelar ayah / suami / abang atau anak harus memainkan peranan mereka yang sebenar.



### Berita ringkas SINAR AL-ULUM KD9



- Bermulanya Syawal ini, Qariah Al-Ulum mengadakan 'BARAAN' iaitu program ziarah-menziarahi kejiranan di sekitar KD9 dan KD8. Sambutan yang menggalakkan daripada keseluruhan penduduk di sini, mengharapkn supaya program ini dapat diteruskan setiap tahun agar silaturrahim antara penduduk di Qariah Al-Ulum ini erat, berkekalan dan berpanjangan.
- Sempena menyambut Hari Raya Aidil Fitri ini, Surau Al-Ulum akan mengadakan majlis rumah terbuka pada 17hb Oktober 2009 dari pukul 5.00 petang hingga 10.00 malam di perkarangan surau Al-Ulum. Seluruh penduduk di sekitar KD9 adalah dijemput datang. Datang jangan tak datang.
- Kami auditor Buletin Al-Ulum mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin** seandainya terdapat bicara, coretan pena kami menyinggung hati seluruh pembaca Buletin Al-Ulum. Selamat Hari Raya dan Selamat membaca, Wassallam.